

KEPERLUAN DALAM PEMBANGUNAN INDEKS PATUH SYARIAH DALAM BIDANG PENGUBATAN ALTERNATIF ISLAM

Khadher Ahmad
Jabatan al-Quran dan al-Hadith, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya, KL.
khadher82@um.edu.my

Abstrak

Indeks Patuh Syariah merupakan satu kaedah pengukuran saintifik yang digunakan untuk mengukur dan menilai tahap kepatuhan sesuatu program atau usaha yang dijalankan sama ada menepati piawaian Islam serta mengenalpasti ruang pembaikan yang perlu diberi fokus bagi memenuhi keseluruhan Maqasid Syariah. Bidang pengubatan alternatif Islam adalah salah satu daripada bidang baru berkaitan dengan aspek penjagaan kesihatan bagi kesejahteraan masyarakat. Sehingga hari ini, belum ada satu piawaian yang dibangunkan dalam menilai tahap kepatuhan syariah dalam bidang ini. Artikel ini bertujuan untuk menjelaskan beberapa faktor keperluan kepada pembangunan Indeks Patuh Syariah Pengubatan Alternatif Islam di Malaysia memandangkan perkembangan dan pertumbuhan pusat rawatan berasaskan rawatan alternatif Islam ini sangat pesat dan mereka bebas menawarkan dan menjalankan operasi rawatan tanpa ada satu penyelarasan serta kawal selia dari pihak berwajib. Melalui analisis deduktif, data-data yang bersifat khusus dihuraikan, dibincangkan dan dilakukan analisis sehingga dapat menzahirkan faktor-faktor kepada keperluan dalam pembangunan indeks patuh syariah ini. Hasil penelitian mendapati bahawa terdapat enam (6) faktor keperluan iaitu [1] Membendung gejala syirik dan membetulkan tauhid (akidah); [2] Penyeragaman dalam pengendalian pusat rawatan alternatif Islam; [3] Memudahkan kawalan dan penyeliaan pihak berwajib; [4] Membendung penyelewengan dalam kaedah rawatan; [5] Memastikan kelangsungan pengubatan alternatif Islam dalam masyarakat; dan [6] Menjamin keselamatan dan kesejahteraan masyarakat dari pelbagai penyelewengan yang menyimpang.

Kata kunci: Indeks Syariah, Pengubatan Islam, Pengubatan Alternatif Islam, Malaysia.

Pengenalan

Menurut portal rasmi Bahagian Perubatan Tradisional dan Komplementari Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM), “*pengubatan Islam*” didefinisikan sebagai suatu ikhtiar penyembuhan penyakit jasmani dan rohani oleh seorang Islam yang mahir dalam kaedah rawatan dengan menggunakan al-Quran atau hadith, atau amalan *Salaf al-Soleh*, atau ulama’ mu’tabar, atau kesemuanya sekali serta menggunakan kaedah-kaedah atau bahan-bahan yang dibenarkan syara’.¹ Pada masa kini, pengubatan Islam telah mendapat tempat serta perhatian serius daripada semua pihak. Masyarakat semakin terbuka dalam menerima kehadiran dan keberadaan pengubatan Islam dengan tidak menafikan peranan hospital, klinik dan pusat kesihatan dalam rawatan dan penjagaan kesihatan. Manakala, pihak kerajaan melalui jabatan agama turut mengambil perhatian terhadap perkembangan pengubatan Islam walaupun masih tiada keseragaman berbentuk menyeluruh dalam perlaksanaannya. [Ketiga]: kewujudan pelbagai kaedah dan pendekatan rawatan, tidak terkecuali ada yang meragukan atau dilarang syariat, [Keempat]: *modus operandi* berasaskan perniagaan dan mengaut keuntungan berlebihan, [Kelima]: kebebasan bergerak dan penawaran perkhidmatan tanpa kawalan, [Keenam]: penghasilan produk dan bahan rawatan yang tiada jaminan keselamatan dari sudut kepenggunaan, dan [Ketujuh]: ketiadaan penyelarasan dari setiap negeri dalam aktiviti kawal selia. Melihatkan polemik ini, indeks pengukuran patuh syariah dalam bidang pengubatan alternative Islam wajar direalisasikan.

Menyedari kepentingannya, artikel ini bertujuan mengetengahkan keperluan terhadap pembangunan indeks patuh syariah bagi pengubatan alternatif Islam di Malaysia. Berdasarkan pendekatan analisis data secara campuran (*mixed method*) berasaskan kajian bersifat kualitatif, kajian ini telah mengenal pasti indikator-indikator yang diperkirakan sesuai yang boleh memberikan maklumat secara maksimum mengenai pengubatan alternative Islam di Malaysia. Seterusnya berasaskan indikator-indikator tersebut, satu indeks patuh syariah pengubatan alternative Islam bakal dibangunkan bagi mengukur tahap patuh syariah pengubatan alternatif Islam semasa di samping dapat digunakan untuk tujuan penyediaan dasar, perancangan pelaksanaan penyelidikan pada masa akan datang, pembangunan program dan perkhidmatan baru. Bahkan penghasilan indeks patuh syariah mampu mengukur kejayaan, keupayaan, kelemahan dan potensi Malaysia dalam bidang pengubatan alternatif Islam.

Indeks Patuh Syariah

Indeks Patuh Syariah Malaysia telah diumumkan oleh Perdana Menteri Malaysia, Dato' Sri Haji Mohammad Najib bin Tun Haji Abdul Razak pada 10 Februari 2016 berperanan sebagai satu kaedah pengukuran yang saintifik dan menyeluruh bagi menentu ukur kedudukan kerajaan dalam menjalankan pentadbiran negara berdasarkan prinsip asas Islam iaitu *Maqasid Syariah*. Lima elemen utama dalam *Maqasid Syariah* iaitu pemeliharaan agama, nyawa, akal, keturunan dan harta merupakan kayu ukur utama yang akan digunakan untuk mengukur lapan bidang utama pentadbiran negara. Lapan bidang tersebut ialah perundangan Islam, politik, ekonomi, pendidikan, kesihatan, buaya, prasarana dan persekitaran serta sosial.

Menurut Hashim Yahya, Indeks Patuh Syariah Malaysia merupakan satu kaedah pengukuran saintifik yang menepati dua fungsi penting: [Pertama]; menilai keseriusan usaha dari tahun ke tahun dalam menepati piawaian Islam berkaitan dasar dan program kerajaan. [Kedua]; mengenali pasti ruang-ruang pembaikan yang perlu diberi fokus oleh kerajaan agar rakyat dalam menerima lebih banyak manfaat, hasil dari penerapan nilai-nilai sejagat dalam Islam.² Kriteria patuh syariah distrukturkan berdasarkan kepada dua sumber iaitu sumber utama (al-Quran dan Hadith) dan sumber sokongan (Ijma', Qiyas, Maslahah, Istihsan, Sadd Zari'ah, 'Urf, Maqasid Syari'ah, Siyasa Syar'iyyah, Ta'wil, Istiqra' dan Talfiq) serta manhaj penyelidikan yang merangkumi pembangunan, pengembangan dan pengukuran parameter indeks.³ Bagi merealisasikan hasrat dan kesungguhan pihak kerajaan untuk melahirkan satu produk pelengkap tadbir urus Islam di Malaysia, pengukuran patuh syariah terhadap pengubatan alternatif Islam perlu dilaksanakan sejajar dengan salah satu bidang tumpuan utama dalam pentadbiran negara iaitu kesihatan. Pengukuran saintifik tersebut boleh dinamakan sebagai "*Indeks Patuh Syariah Pengubatan Alternatif Islam*."

1 "Amalan Pengubatan Islam", laman sesawang *Portal Rasmi Bahagian Perubatan Tradisional dan Komplementari*, dicapai pada 31 Julai 2016, http://tcm.moh.gov.my/v4/bmelayu/modules/mastop_publish/?tac=38.

2 Hashim Yahya, "Sekuriti-Sekuriti yang Diluluskan Syariah: Kriteria dan Pendekatan" (kertas kerja Persidangan Tahunan Pegawai Syariah kali ke-4, Hotel Renaissance, Kota Bharu, Kelantan, 25 Ogos 2002).

3 Mohd Yahya Mohd Hussin, Joni Tamkin Borhan, "Analisis Perkembangan Pasaran Saham Islam di Malaysia", *Jurnal Syariah*, 17 (3), 2009, 431-456.

Matlamat Indeks Patuh Syariah Pengubatan Alternatif Islam

Terdapat empat matlamat indeks patuh syariah pengubatan alternatif Islam di Malaysia iaitu:

- 1- Sebagai penanda aras bagi mengukur tahap signifikan patuh syariah pengubatan alternative Islam.
- 2- Menyediakan input bagi pembentukan atau menggubal polisi dan dasar dalam bidang pengubatan di Malaysia khususnya pengubatan alternatif Islam.
- 3- Memandu pembentukan pelan tindakan bagi menambahbaik atau meningkatkan kewibawaan institusi atau pusat pengubatan alternatif Islam.
- 4- Sebagai indikator bagi mengukur pencapaian patuh syariah pengubatan alternatif Islam di Malaysia

Objektif Pembangunan Indeks Patuh Syariah

Sebelum boleh direalisasikan kewujudan indeks patuh syariah pengubatan alternatif Islam, terlebih dahulu perlu kepada aspek pembangunan secara empirikal. Bagi mencapai tujuan, empat objektif utama telah ditetapkan, iaitu:

1. Membina satu set indikator bagi mengukur patuh syariah pengubatan alternatif Islam.
2. Menganalisa patuh syariah pengubatan alternatif Islam berdasarkan set indikator yang telah dibangunkan.
3. Menghasilkan "*Indeks Patuh Syariah Pengubatan Alternatif Islam*".
4. Mengemukakan cadangan kepada pihak Kerajaan bagi meningkatkan tahap kepatuhan syariah bagi pengubatan alternatif Islam.

Proses Pembangunan Indikator Patuh Syariah

Dalam proses membangunkan set indikator, kajian ini menggunakan tiga pendekatan utama iaitu tinjauan literatur, perbincangan kumpulan berfokus (PKF) dan kajian rintis. Tinjauan literature dilakukan terhadap kajian lepas yang pernah dilakukan daripada tahun 2012.⁴ Berdasarkan tinjauan tersebut, didapati indeks patuh syariah pengubatan Islam adalah satu konsep multi-dimensi yang merangkumi tujuh elemen utama, iaitu: [Pertama] pusat pengubatan alternative Islam, [Kedua] pengasas, [Ketiga] kaedah rawatan, [Keempat] bayaran perkhidmatan, [Kelima] bahan rawatan, [Keenam] perawat dan, [Ketujuh] pesakit. Domain yang dikenalpasti telah dibincangkan dalam dua siri PKF merangkumi PKF formal yang terdiri daripada ahli akademik, agensi kerajaan dan badan bukan kerajaan (NGO).

Manakala PKF tidak formal terdiri daripada orang awam yang terpilih. Respon daripada PKF yang ditranskripsi, ditafsir dan disahkan dengan sorotan literatur akan dijadikan asas dalam pengemaskinian domain dan indikator kajian.⁵ Seterusnya, indikator tersebut diuji dalam kajian rintis yang dilakukan ke atas 250 pusat pengubatan alternatif Islam seluruh Malaysia. Berdasarkan keputusan kajian rintis, beberapa perubahan akan dilakukan terhadap soalan selidik termasuklah memperincikan lagi indikator yang digunakan. Hasilnya untuk mengukur tahap patuh syariah pengubatan alternatif Islam di Malaysia, kajian perlu memaksimumkan capaian maklumat daripada tujuh domain yang menjadi dasar kajian.

Domain Patuh Syariah Pengubatan Alternatif Islam

Berdasarkan sorotan kajian lepas, sebanyak tujuh domain telah dikenal pasti bagi tujuan pembangunan indeks patuh syariah pengubatan alternatif Islam iaitu; [1] Domain pusat pengubatan alternatif Islam, [2] Domain pengasas pusat rawatan, [3] Domain kaedah rawatan, [4] Domain bayaran perkhidmatan, [5] Domain bahan rawatan, [6] Domain perawat dan, [7] Domain pesakit. Berikut dinyatakan perincian setiap domain: [Pertama]: Domain Pusat Pengubatan Alternatif Islam Domain ini merujuk kepada pusat pengubatan alternatif Islam yang didefinisikan sebagai suatu tempat yang menjalankan kegiatan merawat dan menyediakan perkhidmatan rawatan penyakit serta menjadi tumpuan orang ramai untuk mendapatkan perkhidmatan tersebut. Perkhidmatan rawatan pula dijalankan berlandaskan lunas-lunas Islam.⁶

4 Khadher Ahmad, "Analisis Hadith-Hadith Mengenai Rawatan Sihir Dalam al-Kutub al-Sittah: Aplikasi di Pusat Rawatan Islam di Malaysia". (Tesis PhD, Jabatan al-Quran dan al-Hadith, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya, Kuala Lumpur), 182.

5 Geran penyelidikan UMRG bernombor: RG419-12HNE iaitu "Pusat Rawatan Alternatif Berteraskan al-Quran dan al-Sunnah: Kajian Di Malaysia" yang diketuai oleh Dr. Khadher Ahmad dari Universiti Malaya.

6 Khadher Ahmad, "Analisis Hadith-Hadith Mengenai Rawatan Sihir Dalam al-Kutub al-Sittah: Aplikasi Kaedah Rawatan Islam di Pusat Rawatan Islam di Malaysia", (Tesis PhD, Jabatan al-Quran dan al-Hadith, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya, Kuala Lumpur), 191.

Domain ini mengandungi lima indikator iaitu kategori, tempat penubuhan, faktor penubuhan, pengurusan operasi dan perkhidmatan rawatan.

1. Kategori

Pengkelasan pusat pengubatan alternatif Islam berdasarkan kepada penggunaan *ruqyah syar'iyah*, amalan bekam, rawatan berasaskan aura (batin) dan lain-lain.

2. Tempat penubuhan

Lokasi premis atau pusat rawatan yang beroperasi dalam mengendalikan khidmat rawatan penyakit.

3. Faktor penubuhan

Faktor utama yang mendorong pengasas menubuhkan atau membuka pusat rawatan.

4. Pengurusan operasi

Anggota atau ahli jawatankuasa yang bertanggungjawab dalam pengurusan dan pentadbiran pusat pengubatan alternatif Islam serta menguruskan hal-hal berkaitan pusat rawatan.

5. Perkhidmatan rawatan

Bentuk perkhidmatan rawatan yang disediakan oleh pusat pengubatan alternatif Islam atau kaedah rawatan yang dipraktikkan.

[Kedua]: Domain Pengasas

Domain pengasas merujuk kepada individu atau sekumpulan orang yang mengasaskan dan memulakan pertubuhan pusat pengubatan alternatif Islam serta mengetuai operasi pusat rawatan tersebut. Terdapat empat indikator yang terkandung di dalam domain ini merangkumi umur, latar belakang pendidikan, sumber ilmu pengubatan dan penglibatan dalam pengubatan.

1. Umur

Peringkat umur yang menjadi kayu ukur kepada pengalaman pengasas pusat pengubatan alternative Islam dalam bidang ilmu pengubatan Islam.

2. Latar Belakang Pendidikan

Tahap pendidikan yang diterima oleh pengasas pusat pengubatan alternatif Islam.

3. Sumber Ilmu Pengubatan

Sumber asal perolehan ilmu berkaitan pengubatan Islam.

4. Penglibatan Dalam Pengubatan

Keterlibatan pengasas dalam mengendalikan pusat rawatan sama ada secara sepenuh masa atau separuh masa.

[Ketiga]: Domain Kaedah Rawatan

Domain kaedah rawatan adalah penting dalam mengukur pendekatan atau metodologi rawatan penyakit yang digunakan semasa merawat pesakit. Domain ini mengandungi tiga indikator iaitu tempat rawatan, prosedur rawatan dan kaedah rawatan utama.

1. Tempat rawatan

Ruangan khusus yang digunakan sebagai tempat rawatan semasa melakukan proses merawat pesakit.

2. Prosedur Rawatan

Amalan kerja yang dijalankan oleh perawat sebelum, semasa dan selepas proses rawatan.

3. Kaedah utama rawatan

Metode pengubatan yang diutamakan oleh pusat rawatan dalam merawat penyakit.

[Keempat]: Domain Bayaran Perkhidmatan

Domain bayaran perkhidmatan merujuk kepada sejumlah wang atau penghargaan yang dibayar oleh pesakit yang telah menerima rawatan di pusat pengubatan alternatif Islam. Domain ini mengandungi empat indikator iaitu yuran pendaftaran, upah khusus, bayaran produk dan bayaran lain-lain.

1. Yuran Pendaftaran

Wang yang dibayar kepada pusat rawatan semasa pesakit mendaftar nama sebelum menerima rawatan.

2. Upah Khusus

Wang yang dibayar atas dasar upah kepada pihak tertentu dalam pusat rawatan semasa proses rawatan.

3. Bayaran Produk

Wang yang dibayar khusus untuk kos produk yang diberikan kepada pesakit yang telah menerima

rawatan di pusat pengubatan alternatif sebagai ubat atau *supplement* bagi mengubati penyakit yang dihadapi.

4. Bayaran lain-lain

Wang yang dibayar oleh pesakit selain yuran pendaftaran, upah khusus dan harga produk kepada pusat rawatan.

[Kelima]: Domain Bahan Rawatan

Domain ini merujuk kepada sebarang bahan atau peralatan yang digunakan sebelum, semasa dan selepas proses merawat dijalankan. Domain ini mengandungi empat indikator iaitu jenis bahan, cara penggunaan bahan, jenis peralatan dan cara menggunakan peralatan.

1. Jenis Bahan

Bahan yang digunakan dalam proses rawatan penyakit sama ada dibenarkan atau sebaliknya.

2. Cara Penggunaan Bahan

Kaedah dan pendekatan menggunakan bahan-bahan semasa proses rawatan penyakit.

3. Jenis Peralatan

Peralatan yang digunakan sama ada terjamin kebersihan dan dianjurkan oleh syara'.

4. Cara Penggunaan Peralatan

Kaedah dan praktikal mengendalikan peralatan-peralatan sebelum, semasa dan selepas proses rawatan penyakit dijalankan oleh pusat rawatan.

[Keenam]: Domain Perawat

Domain ini merujuk kepada individu atau sekumpulan orang yang melakukan proses merawat penyakit. Terdapat dua [2] indikator yang mengukur domain ini iaitu tahap pendidikan dan sumber ilmu pengubatan.

1. Tahap Pendidikan

Peringkat tertinggi pendidikan agama yang diterima oleh perawat sehingga sekarang.

2. Sumber Ilmu Pengubatan

Sumber asal perolehan ilmu pengubatan Islam.

[Ketujuh]: Domain Pesakit

Domain pesakit merujuk kepada individu yang ditimpa sesuatu penyakit dan mengunjungi manamana pusat pengubatan alternatif Islam di seluruh Malaysia bagi mengubati penyakit yang menimpanya. Terdapat dua indikator yang mengukur domain pesakit iaitu jenis penyakit dan tahap kesembuhan.

1. Jenis Penyakit

Kategori atau jenis penyakit yang dihadapi oleh pesakit sama ada penyakit fizikal, psikologi, gangguan mistik dan lain-lain.

2. Tahap Kesembuhan

Peringkat perubahan positif bagi kesihatan pesakit selepas tempoh menerima rawatan di pusat pengubatan alternatif Islam.

Metodologi Kajian Indeks Patuh Syariah Pengubatan Alternatif Islam

Kajian ini akan dijalankan ke atas 250 pusat pengubatan alternatif Islam yang melibatkan 1,250 orang responden, yang terdiri daripada 250 orang pengasas pusat pengubatan alternatif Islam dan 1,000 orang pesakit yang mengunjungi pusat pengubatan alternatif Islam seluruh Malaysia. Pembangunan indeks patuh syariah pengubatan alternatif Islam memfokuskan kepada tahap patuh syariah di mana setiap responden diminta untuk memberi penilaian mengenai aspek-aspek tertentu berkaitan pengubatan alternatif Islam yang pernah diasaskan atau dikunjungi mereka. Indeks patuh syariah pengubatan alternatif Islam menggunakan skor 10 sebagai skor maksimum dan semakin menurun menurut turutan nombor. Semakin tinggi nilai skor yang diperolehi, maka semakin baik tahap patuh syariah pengubatan alternatif Islam. Bagi mendapatkan indeks patuh syariah pengubatan alternatif Islam, purata skor bagi semua tujuh domain akan dikira. Skor domain diperolehi melalui purata skor bagi semua indikator yang terdapat dalam sesuatu domain.

Kesimpulan

Berdasarkan perbincangan di atas, indeks patuh syariah dalam pengubatan Islam adalah satu keperluan. Indeks tersebut boleh menjadi satu produk pelengkap tadbir urus Islam di Malaysia khususnya dalam bidang kesihatan, yang mempunyai nilai-nilai perintis kerana bersifat menyeluruh, komprehensif dan yang pertama seumpamanya di dunia. Hasilnya, kerajaan Malaysia, KKM, GAPPIMA dan semua pihak terlibat boleh mengenalpasti dan memilih jenis-jenis usaha yang perlu digerakkan bagi mencapai indeks patuh syariah tertinggi. Oleh itu, tahap kepatuhan syariah pengubatan alternatif Islam di Malaysia bakal meningkat seiring penilaian skor indeks patuh pengubatan alternatif Islam yang bakal dilaksanakan. Selain itu, antara cadangan untuk meningkatkan tahap kepatuhan syariah pengubatan alternative Islam di negara ini adalah berikut: [Pertama]: Pengiktirafan oleh kerajaan Malaysia. Pihak Kerajaan Malaysia perlu memberikan pengiktifan kepada pusat rawatan patuh syariah yang turut memainkan peranan dalam membantu mengubati penyakit sebagaimana yang diberikan kepada pusat-pusat perubatan moden. [Kedua]: Pengendalian dan operasi. Pusat-pusat pengubatan alternatif Islam perlu dinilai dan diaudit dari sudut pengurusan dan pengendalian operasi premis oleh pihak tertentu yang diiktiraf oleh kerajaan. Usaha ini dapat menggabungkan pusat-pusat pengubatan alternatif Islam di bawah satu penyeragaman yang menyeluruh dari sudut operasi.

[Ketiga]: Penetapan bercirikan metode rawatan yang dibenarkan. Satu garis panduan khusus dalam rawatan penyakit perlu diwujudkan dan diseragamkan secara kolektif. Garis panduan ini perlu menetapkan ciri-ciri pendekatan atau kaedah berdasarkan al- Quran, Sunnah dan yang dibenarkan Syara'. Mana-mana pusat pengubatan yang mempraktikkan selain rawatan yang telah ditetapkan boleh disabitkan kesalahan. [Keempat]: Penetapan garis panduan dalam penentuan bahan rawatan yang dibenarkan. Perincian perlu dilakukan terhadap bahan-bahan rawatan yang dibenarkan oleh Syara' dalam garis panduan pengubatan Islam supaya dapat dijadikan rujukan utama. [Kelima]: Penetapan garis panduan terhadap *ruqyah* atau bacaan dalam rawatan. Panduan bagi pengubatan berasaskan *ruqyah* perlu dibuat satu penetapan (panduan) dan diperincikan seperti perincian kepada aspek jenis, cara praktik, orang yang mempraktikkannya dan sebagainya. [Keenam]: Penetapan ciri-ciri umum sesuai dengan terma atau nama "*Rawatan Islam*". Ciri-ciri umum termasuklah perkara-perkara yang menyentuh mengenai kedudukan aurat, sentuhan, mahram dan lain-lain yang melibatkan hubungan antara pesakit dan perawat.

Penghargaan

Artikel ini adalah salah satu daripada hasil penyelidikan dalam Fundamental Research Grant Scheme (FRGS) di bawah projek "*Indeks Patuh Syariah Pengubatan Alternatif Islam Di Malaysia*" yang bernombor FP025-2015A

Rujukan

Esther Walcott. "*Seni Pengobatan Alternatif Pengetahuan dan Persepsi*", Kerja Kursus Program Australian Consortium for In Country Indonesia Studies (ACICIS), Malang, Indonesia: Universitas Muhammadiyah, 2004.

Hashim Yahya. "*Sekuriti-Sekuriti yang Diluluskan Syariah: Kriteria dan Pendekatan*", kertas kerja Persidangan Tahunan Pegawai Syariah kali ke-4, Hotel Renaissance, Kota Bharu, Kelantan, 25 Ogos 2002.

Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM), "*Indeks Syariah Malaysia: Model Tadbir Urus Berteraskan Maqasid Syariah*." Putrajaya, Jabatan Kemajuan Islam Malaysia, 2015.

Khadher Ahmad, Abdullah Yusuf & Mohd Farhan Md Ariffin, "*Hala Tuju Pengubatan Alternatif Berteraskan Islam di Malaysia: Kajian Persepsi Pengamal Perubatan*", *Jurnal al-Basirah* 4 (4) (Nov 2014): 109-134.

Khadher Ahmad, Fauzi Deraman, Sedek Ariffin, Mohd Afifuddin Mohamed. “*Keperluan Dakwah Kepada Pesakit Di Pusat Rawatan Islam: Analisis Terhadap Peranan Pengamal Dan Perawat*”, dalam Yusmini Md Yusoff et.al. *Isu-Isu Media dan Dakwah*. Kuala Lumpur: Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya, 2015. 367-380

Khadher Ahmad, Mohd Farhan Md Ariffin & Ishak Suliaman, “*Pusat Rawatan Alternatif Islam di Malaysia: Analisis terhadap Latar Belakang Pengasas dan Isu Penggunaan Jin dalam Rawatan*”, *Jurnal Usuluddin* 40 (Julai-Disember 2014): 71-98

Khadher Ahmad, Mohd Farhan Md Ariffin, Abdullah Yusof, Sedek bin Arifin. “*Penyakit Spiritual, Fizikal Dan Mental Yang Dirawat Di Pusat Perubatan Alternatif Islam Di Malaysia: Satu Analisis*” dalam *Islam & Ketamadunan Melayu: Kemasyarakatan Dan Isu Semasa*. Kuala Lumpur: Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya, 2014. 455-464.

Khadher Ahmad. “*Analisis Hadith-Hadith Mengenai Rawatan Sihir Dalam al-Kutub al-Sittah: Aplikasi di Pusat Rawatan Islam di Malaysia*.” Tesis Kedoktoran, Jabatan al-Quran & al-Hadith, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya, Kuala Lumpur, 2012.